

KONSEP NILAI-NILAI MURNI

PENGENALAN

Pada asasnya, nilai-nilai murni memberi penekanan kepada adab yang terpuji, peradaban dan tatasusila individu dalam kerangka perhubungannya dengan Tuhan, manusia dan alam. Perbincangan nilai-nilai murni cenderung membahaskan domain-domain nilai substantif seperti agama, rohaniah, moral dan estetika yang mencetuskan stimulasi yang positif seperti ketenangan emosi, kedamaian pemikiran, jiwa yang bersih dan keluhuran akal budi manusia. Nilai-nilai murni juga merangkumi set-set nilai yang terdiri daripada nilai instrumental, nilai mutakhir dan nilai integratif.²⁷ Berdasarkan kepada penjelasan ini, dapat difahami bahawa unsur-unsur alam dan benda yang lain di luar kategori manusia dianggap tidak mempunyai nilai-nilai murni.²⁸

²⁷ Nilai instrumental dimaksudkan sebagai nilai yang berkaitan dengan mod tingkah laku, peranan dan fungsi. Sebagai contoh, sikap amanah, integriti, ikhlas, bersih, bijak, berani, tidak berputus asa dan sebagainya. Nilai mutakhir pula dikenali sebagai nilai hakiki yang membincangkan tentang sifat, faedah dan kepentingan kewujudan manusia, objek dan alam. Nilai integratif pula dimaksudkan sebagai nilai yang menjana personaliti manusia secara holistik yang mempunyai hubungan dengan dengan perpaduan dan kesejahteraan manusia. Lihat Rokeach (1973) *The Nature of Human Values*, hlm: 30-40.

²⁸ Sufean Hussin (1989) *Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum*, hlm: 36-37.

PANDANGAN ISLAM TERHADAP NILAI-NILAI MURNI

Umumnya, nilai-nilai murni dari perspektif Islam berfungsi sebagai indikasi dan memandu manusia ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan melalui pedoman wahyu.²⁹ Nilai-nilai murni Islam lebih terfokus kepada harmonisasi antara doktrin *rabbani* dan kemanusiaan bagi memenuhi kejayaan hakiki dalam dimensi duniawi dan ukhrawi. Individu yang menghayati nilai-nilai tersebut akan mendapat ganjaran kebaikan. Walau bagaimanapun, jika berlaku kontradiksi dengan nilai-nilai tersebut, maka pelakunya akan mendapat dosa. Justeru, oleh kerana nilai-nilai murni adalah sebahagian daripada komponen keagamaan, sudah tentu pokok perbincangannya difokuskan kepada aspek-aspek berikut:

- A. Aspek interaksi manusia dengan Allah (konsep ibadah)
- B. Aspek interaksi manusia sesama manusia
(pengurusan *mu`amalah*)
- C. Aspek interaksi manusia dengan alam (*khalifah al-ard*)

Berdasarkan hubungan interaksi tersebut, nilai-nilai murni yang perlu dijadikan pegangan dalam kehidupan insan perlu mengambil kira semua aspek tersebut dalam satu kitaran konfigurasi yang bersifat harmonis dan saling berhubung kait. Penghayatan terhadap nilai-nilai tersebut merujuk kepada nilai luhur yang tertinggi iaitu konsep ketauhidan kepada Allah SWT. Justeru, jika didapati terdapat nilai yang berkontradiksi dengan keluhuran akidah, syariah dan akhlak sudah pasti ia tidak diiktiraf dari kaca mata Islam. Jika berlaku ketempangan

²⁹ Definisi ruang lingkup nilai-nilai murni menurut Islam berbeza dengan takrifan Barat. Anggapan Barat terhadap nilai ialah tindakan dan perlakuan serta pemikiran manusia akan menentukan nilai dan prinsip hidup manusia berdasarkan pertimbangan akal. Lihat Ismail Ibrahim (1989) Nilai Pekerjaan Dalam Islam, dalam Shafie Hj Mohd. Salleh dan Mohd. Affandi Hassan (selenggara), *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam*, hlm: 134-136.